

Bahagian A

[50 markah]

Jawab mana-mana lima soalan daripada bahagian ini.

- 1 (a) Gambar di bawah berkaitan dengan sesebuah organisasi.



Apakah tujuan organisasi ini ditubuhkan?

[3 Markah]

- (b) Gambar di bawah merupakan salah satu bentuk pemilikan perniagaan.



Jelaskan kelebihan membuka perniagaan di atas?

[3 Markah]

- (c) Maklumat di bawah berkaitan dengan sebuah perniagaan di Malaysia.

	Pemilik	: Hajah Asmah Ali
	Lokasi	: Johor
	Produk	: Kerepek
	Bilangan pekerja	: 15 orang
	Modal	: Simpanan sendiri dan pinjaman daripada saudara-mara
<p>KILANG KEREPEK ASMAH AYER HITAM, JOHOR</p>	Jumlah jualan tahunan	: RM 300 000

Terangkan klasifikasi perniagaan Hajah Asmah.

[4 Markah]

- 2 (a) Situasi berikut berkaitan dengan peranan kerajaan dari segi aspek guna tenaga.

SITUASI A	SITUASI B
Berlaku apabila seseorang pekerja bekerja dalam jangka masa pendek. Apabila pekerjaan telah tamat, pekerja terpaksa mencari pekerjaan yang lain.	Berlaku apabila sektor perniagaan mengutamakan penggunaan mesin-mesin dan jentera menggantikan pekerja


- (i) Nyatakan Situasi A dan Situasi B. [2 Markah]
- (ii) Jelaskan peranan kerajaan dalam menangani situasi A dan B. [4 Markah]
- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan matlamat Perniagaan Raihan Frozen.

<p>PERNIAGAAN RAIHAN FROZEN Halal, Sihat, Sedap</p> <p>Perniagaan Raihan Frozen telah Berjaya menjual 5000 biji pelbagai jenis kuih sejuk beku dalam tempoh sebulan bagi pasaran tempatan. Perniagaan ini menyasarkan peningkatan sebanyak 10% pada setiap bulan dan dianggarkan meningkat sehingga 25% pada musim PKP berikutan pandemik COVID 19.</p>

Terangkan ciri-ciri objektif yang terdapat dalam Perniagaan Raihan Frozen.

[4 Markah]

- 3 (a) Rajah berikut merupakan perancangan yang digunakan oleh sesebuah organisasi untuk mencapai sesuatu matlamat.



Apakah maksud yang diwakili oleh X dan Z?

[2 Markah]

- (b) Pernyataan berikut berkaitan dengan hubungan sesebuah perniagaan dengan organisasi luar.

Sesebuah perniagaan akan maju apabila mempunyai hubungan dan interaksi yang baik dengan organisasi luar.

Bagaimanakah sesebuah perniagaan berinteraksi dengan organisasi luar?

[4 Markah]

- (c) Gambar di bawah merupakan antara kaedah-kaedah yang boleh digunakan untuk mengaplikasikan maklumat dalam sesebuah perniagaan.



Jelaskan kaedah-kaedah tersebut.

[4 Markah]

- 4 (a) Gambar di bawah menunjukkan reka bentuk kereta keluaran syarikat Proton dan sebuah filem yang terkenal di seluruh Malaysia.



A



B

Bagaimanakah organisasi perniagaan berkenaan mengurus sumber bagi gambar A dan B?

[6 Markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan sebuah organisasi perniagaan.

Syarikat KEJORA SDN. BHD. merupakan sebuah syarikat baharu yang mengeluarkan produk makanan dan minuman kesihatan. Bagi memastikan produk keluaran syarikat ini dapat diuruskan dengan baik, syarikat telah melantik beberapa orang pengurus yang bertanggungjawab terhadap bahagian fungsian seperti bahagian sumber manusia, bahagian pengeluaran, bahagian kewangan dan bahagian pemasaran. Disamping itu, syarikat berhasrat untuk mengembangkan pasaran produk di seluruh Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Cadangkan satu jenis struktur organisasi yang sesuai digunakan agar perniagaan dapat beroperasi dengan lancar. Berikan alasan anda.

[4 markah]

- 5 (a) Gambar di bawah merupakan sumber pembiayaan di Malaysia.



Mengapakah sumber pembiayaan ini menjadi pilihan ramai usahawan untuk mendapatkan pembiayaan?

[3 Markah]

- (b) Penyataan berikut berkaitan dengan penyata kewangan.

Penyata Kewangan merupakan satu bentuk laporan kedudukan kewangan. Ia penting kepada pihak-pihak yang berkepentingan dalam membuat keputusan tentang sesuatu perkara dalam perniagaan.

Jelaskan kegunaan penyata kewangan tersebut kepada pihak-pihak berkepentingan.

[3 Markah]

- (c) Gambar di bawah adalah perbualan antara dua rakan.

Mazlan, marilah bekerja di syarikat saya sebagai akauntan dengan gaji sebanyak RM5000 sebulan.

Terima kasih atas tawaran tetapi saya tetap ingin membuka perniagaan saya sendiri.



Jelaskan kelebihan yang diperolehi oleh Mazlan apabila beliau memilih untuk berniaga sebagai kerjaya?

[4 Markah]

6 (a) Senaraikan **dua** akta yang terlibat dalam penubuhan sesebuah entiti perniagaan.

[2 Markah]

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan seorang usahawan.

Encik Saiful adalah seorang usahawan yang baru sahaja membuka sebuah kedai pakaian sukan di Taman Seri Impian, Kluang. Perniagaan beliau telah didaftarkan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Apakah tanggungjawab Encik Saiful setelah memperoleh Sijil Pendaftaran Perniagaan?

[4 Markah]

(c) Berdasarkan maklumat di 6 (b). Jelaskan kekuatan diri yang perlu ada pada Encik Saiful sebagai seorang usahawan.

[4 Markah]

BAHAGIAN B

[30 markah]

Jawab mana-mana dua soalan daripada bahagian ini.

7. Situasi berikut adalah perbualan antara Ali dan Abu berkaitan faktor memulakan perniagaan.



- (a) Jelaskan kelebihan lokasi yang dinyatakan oleh Abu. [5 markah]
- (b) Terangkan faktor dalaman yang boleh mempengaruhi prestasi perniagaan Ali. [6 markah]
- (c) Terangkan faktor penentu sistem penggajian yang sesuai diamalkan oleh Ali kepada pekerja beliau selepas beliau menubuhkan perniagaannya. [4 markah]

8. Jadual di bawah merupakan Carta Gantt bagi projek membina sebuah bangunan kedai.

Masa \ Aktiviti	Januari	Februari	Mac	April	Mei
Menyediakan tapak	■				
Cerucuk		■			
Membina rangka			■		
Melengkapi bangunan					■

- (a) Mengapakah penetapan aktiviti yang terdapat dalam carta di atas perlu dalam mencapai visi, misi dan objektif perniagaan tersebut. [6 markah]
- (b) Bagaimana Encik Ali dapat menguruskan pengurusan bangunan kedai tersebut.? [4 markah]
- (c) Sekiranya Encik Ali mengalami masalah kewangan untuk menyiapkan bangunan kedai beliau, apakah tindakan yang sesuai beliau pilih? Jelaskan. [5 markah]
9. Encik Sam merupakan pemilik kepada Sam Trading, yang menjalankan perniagaan di Kluang, Johor. Beliau bercadang untuk melihat prestasi perniagaannya dengan membandingkan prestasi bagi dua tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2020 dan tahun 2019. Setelah menganalisis prestasi kedua-dua tahun tersebut, maklumat berikut telah diperoleh:

Nisbah	2019	2020
Peratusan untung tokokan	30%	25%
Peratusan marging untung bersih	25%	18%
Nisbah semasa	2 : 1	1.5 : 1
Pusing ganti stok	9 kali	5 kali

- (a) Berdasarkan jadual analisis nisbah di atas, tahun manakah yang menunjukkan prestasi perniagaan yang lebih baik. Berikan alasan anda. [5 markah]
- (b) Jelaskan trend persekitaran yang dialami oleh Sam Trading dari tahun 2019 kepada tahun 2020. [4 markah]
- (c) Terangkan **dua** faktor persekitaran yang mempengaruhi keperluan perniagaan Encik Sam untuk mengubah visi, misi dan objektif perniagaannya. [6 markah]

BAHAGIAN C

[20 markah]

Soalan ini wajib dijawab.

Cik Dayang merupakan pemilik Moho Ventures Trading yang mengeluarkan dan menjual cadar berjenama DARS. Beliau telah mengubah suai ruang belakang rumahnya untuk dijadikan kedai bagi menjahit dan menyimpan stok cadar yang telah siap sebelum dipasarkan kepada pelanggannya. Kos yang terlibat bagi kerja-kerja pengubahsuaian kedai serta pembelian peralatan menjahit berjumlah RM 10 000. Bagi memastikan aktiviti perniagaannya berjalan lancar, beliau mengupah adiknya sebagai tukang jahit dan seorang pekerja perempuan untuk membantu adiknya. Cik Dayang juga mengupah seorang pekerja lulusan diploma bagi menguruskan hal-hal berkaitan dengan pentadbiran kedai dan kewangan. Sementara itu beliau sendiri menguruskan hal-hal yang berkaitan dengan pemasaran dan pengagihan produk keluarannya.

Cik Dayang telah mensasarkan untuk mengeluarkan dan menjual 500 helai cadar setiap bulan. Maklumat berikut merupakan penyata aliran tunai Moho Ventures Trading

Perniagaan Moho Ventures Trading

Butir	Januari RM	Februari RM	Mac RM
Baki b/b	150 000	A	145 000
PENERIMAAN			
Jualan	80000	100 000	110 000
Pinjaman	10000	20000	-
Jumlah Penerimaan	90000	120000	B
PEMBAYARAN			
Kos Jualan	80000	70000	95000
Gaji	15000	16000	13000
Sewa	2500	2500	2500
Faedah	1900	700	700
Perabot	25000	500	-
Jumlah Pembayaran	124400	89700	C
Lebihan/Kurangan	(34400)	D	(1200)
Baki h/b	E	145900	144700

Selepas lima bulan beroperasi, beliau mendapati perniagaannya gagal mencapai objektif yang telah ditetapkan. Sehubungan dengan itu, beliau bermesyuarat bersama pekerja-pekerjanya bagi membincangkan kemungkinan mengubah sasaran yang telah

ditetapkan atau mengambil tindakan pembetulan bagi meningkatkan pengeluaran dan penjualan.

Berdasarkan kes di atas, jawab soalan yang berikut :

- (a) Jelaskan jenis milikan perniagaan yang diusahakan oleh Cik Dayang. [3 markah]
- (b) Terangkan bahagian fungsian yang terdapat dalam Moho Ventures Trading [4 markah]
- (c) Berdasarkan butiran dalam Penyata Aliran Tunai bagi perniagaan Moho Ventures Trading , kirakan nilai bagi
- (i) A [1 markah]
 - (ii) B [1 markah]
 - (iii) C [1 markah]
 - (iv) D [1 markah]
 - (v) E [1 markah]
- (d) Terangkan kesan jika perniagaan gagal mencapai mencapai objektif [4 markah]
- (e) Cadangkan cara terbaik yang boleh digunakan untuk memperkenalkan cadar berjenama DARS kepada masyarakat. [4 markah]

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT